

UHIS1022-78 FALSAFAH DAN ISU SEMASA (PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES)

Tugasan individu :

1. Bagaimana mewujudkan keseimbangan JERI dalam kehidupan seorang pelajar?
 - a. Jasmani: Pihak sekolah atau universiti haruslah mengadakan program-program sukan yang melibatkan pergerakan tubuh badan atau fizikal pelajar agar dapat mengembangkan potensi pelajar dan melahirkan pelajar yang aktif.
 - b. Emosi: Pihak sekolah dan universiti haruslah menyediakan sesi kaunseling kepada pelajar yang memerlukan. Pihak sekolah juga boleh menubuhkan Persatuan Rakan Sebaya (PRS) bertujuan untuk membimbing pelajar-pelajar yang lain agar mempunyai emosi yang stabil dan perasaan yang sihat.
 - c. Rohani: Pihak sekolah atau universiti boleh mengadakan program jatidiri. Bukan itu sahaja, mereka juga boleh menjadikan matapelajaran Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral sebagai subjek yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar.
 - d. Intelek: Guru haruslah menyediakan bahan bacaan, aktiviti ilmiah atau latihan kepada pelajar agar dapat memahami sesuatu subjek itu dengan lebih mendalam. Pihak sekolah pula boleh mengaturkan program-program ilmiah seperti seminar dan lain-lain.
2. Bincangkan pemahaman anda tentang asal-usul kejadian manusia dari perspektif pelbagai agama.
 - a. Dari perspektif Islam:

Manusia pada mulanya dicipta daripada tanah dengan kuasa Pencipta. Manusia terdiri daripada jasad dan roh yang akan membentuk personaliti seseorang manusia itu sendiri. Manusia juga dibekalkan oleh Allah S.W.T. dengan elemen lain seperti hati, akal dan nafsu.
 - b. Dari perspektif Barat (Plato):

Manusia sebenarnya berasal daripada dunia idea, manusia seharusnya kembali kepada asalnya bersama dengan idea tertinggi. Manusia yang berjaya semasa hidupnya adalah mereka yang mampu sampai ke alam asalnya iaitu alam idea.

